

Sepakat rungkai isu tarif bukti kemajuan kerjasama ASEAN

Gombak: Persetujuan bersama pemimpin ASEAN untuk mengambil pendekatan bersama dalam mendepani isu tarif tambahan dikenakan Amerika Syarikat (AS) ke atas beberapa negara yang berdagang dengannya, satu kemajuan yang baik bagi blok itu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi ASEAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata komitmen kebersamaan ini dizahirkan menerusi penyertaan mereka dalam dua mesyuarat penting menteri ASEAN sebelum ini.

“Kita ada dua sesi minggu lalu, pertama menteri-menteri perdagangan dan pelaburan (ASEAN) yang memutuskan bersama masa-

lah tarif dan Alhamdulillah nampak konsensus kita tidak setuju dengan tarif dikenakan. Sekarang nampak sudah reda.

“Kita ambil pendekatan bersama. Saya hubungi semua ketua-ketua (negara) ASEAN untuk ada pendekatan bersama.

“Semalam juga dengan (menteri) Kementerian Kewangan ASEAN dan semua hadir dan memberi pandangan sama. Ini satu kemajuan yang baik.

“Dengan kehadiran Gabenor Bank Pusat (negara ASEAN) nampak penyusunannya baik,” katanya ditemui media selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Batu 6 di sini, semalam.

Terdahulu pagi semalam, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz menyatakan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, meminta melalui Kementerian Luar membincangkan isu tarif pada sidang kemuncak khas Amerika Syarikat (AS)-ASEAN.

Beliau turut mengesahkan semua pemimpin ASEAN bersetuju ke AS bagi bertemu Presiden Donald Trump pada sidang kemuncak itu, selain menegaskan ASEAN tidak percaya dengan sebarang tindakan tarif balas dan blok perdagangan Asia Tenggara ingin terus berhubung dengan Washington.